

**PENULISAN PENGHAKIMAN MENURUT
PERSPEKTIF *FIQH AL-QADĀ'* DAN
APLIKASI MAHKAMAH SYARIAH
DI MALAYSIA***

**Judgment Writing According to the Perspective
of *Fiqh al-Qadā'* and the Application of
Shariah Courts in Malaysia**

Zulzaidi Mahmud
Ahmad Hidayat Buang*****

ABSTRACT

Islamic management strongly emphasizes the method of writing such as the writing of wills, debts, agreements and judgments. Judgment writing is an important aspect of the justice process. The writing of judgments is emphasized by the majority of fuqaha' to ensure transparency in judicial proceedings. The purpose of writing this article to view at the

-
- * Perbincangan makalah ini adalah merupakan sebahagian data penyelidikan di bawah tajaan *University of Malaya Covid-19 Special Research Grant 2020-2021* (UMCSRG) bertajuk “Perbincaraan Kes di Mahkamah Syariah Melalui Sidang atas Talian: Kajian di Lembah Klang”.
- ** Ph.D Candidate, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. zulzaidi86@gmail.com
- *** Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. ahidayat@um.edu.my

approach outlined by Fiqh al-Qaḍā regarding the writing of judgments and applications of Syariah Courts in Malaysia based on the provisions of laws and the application of Practice Direction in Syariah Courts. The writing of this manuscript has revealed that Islamic scholars have outlined the concepts of al-Sijjilāt, al-Maḥaḍar and Kitāb al-Qaḍī ilā al-Qaḍī as a process of judicial writing. Notes of proceedings and records of cases in respect of judgments are kept for the purpose of appeal and execution of judgments. This matter is also applied in the Syariah Courts in Malaysia through the approach outlined by the laws and the practice directions of the Syariah Courts. The implementation of judgment writing by Syariah Judges in Malaysia has been transformed through the e-Bicara application of the e-Syariah system and it is in line with the Fiqh al-Qaḍā 'approach.

Keywords: *judgment, grounds of judgment, Syariah Judge, Syariah Court, Practice Directions*

PENDAHULUAN

Sistem kehakiman Islam merupakan salah satu sistem keadilan yang telah dipraktikkan di peringkat global. Pentadbiran kehakiman Islam merupakan pelaksanaan yang bersifat eksklusif yang hanya dilaksanakan oleh pihak yang berkeelayakan dan dipilih berdasarkan keilmuan dan kemampuan dalam melaksanakan tugas tersebut. Sistem kehakiman diletakkan pada satu kedudukan yang tinggi kerana mengadili hak-hak manusia.¹ Pada menjalankan tugas kehakiman maka perundangan Islam telah menggariskan tatacara dan pendekatan bagi memastikan proses keadilan dilaksanakan dengan adil dan teratur. Hal ini adalah bagi memastikan keadilan

¹ Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 4:498.

dapat diberikan kepada yang berhak² dan akan menatijahkan nadi keamanan.³ Proses-proses kehakiman adalah meliputi proses perlantikan *al-Qadā'*, dakwaan, pengambilan keterangan, pengemukaan saksi, pensabitan, catatan keterangan, penghakiman dan penulisan penghakiman. Perkara-perkara tersebut dibincang secara tersusun di dalam *Fiqh al-Qadā'*. Kaedah penghakiman yang cekap dan sempurna perlu dilaksanakan bagi membuktikan sesuatu kes yang dibicarakan mencapai kebenaran dan keadilan yang dituntut.⁴ Sesuatu penghakiman yang diputuskan oleh *al-Qadā'* (hakim) mempunyai sandaran, hujah dan justifikasi kepada keputusan yang dibuat. Perkara ini dapat dilihat melalui penulisan penghakiman berdasarkan perspektif fiqh yang dihuraikan oleh fuqaha'. Penulisan penghakiman juga diaplikasi di dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia melalui Mahkamah Syariah di setiap negeri. Oleh yang demikian, makalah ini membincangkan berkenaan pendekatan penulisan prosiding penghakiman dan aplikasi dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia berdasarkan panduan undang-undang dan pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah.

PENGHAKIMAN MENURUT PERSPEKTIF *FIQH AL-QADĀ'*

Penghakiman merupakan salah satu proses yang ditetapkan dalam *Fiqh al-Qadā'*. Pembangunan sistem *al-Qadā'* merupakan tanggungjawab pemerintah dalam sesebuah negara yang merupakan fardhu ain ke atas pemerintah untuk memelihara kemaslahatan dunia dan ummah.⁵ Proses penghakiman telah dibincangkan secara tersusun sebagaimana dihuraikan oleh

² 'Īsā bin 'Uthmān bin 'Īsā bin Ghāzī al-Ghuzzī Abū Rūh Sharaf al-Dīn, *Adab al-Qadā'* (Riyadh: Maktabah Nazār Mustafā al-Bāz, 1996), 11.

³ Ibnor Azli Ibrahim, Wafaa' Yusof & Md. Yazid Ahmad, "Pensyariatian Kehakiman Menurut Syariah Islam," *Islāmiyyāt* 27.2 (2005), 41.

⁴ Mastura Razali & Jasni Sulong, 'Amalan Penulisan Penghakiman dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia,' *Jurnal Syariah* 24, no. 1 (2016): 26.

⁵ Muḥammad al-Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, jil. 5 (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2011), 5:373.

al-Sharbīnī dalam kitab *Mughnī al-Muhtāj*⁶ daripada mazhab Shāfi`ī, Ibn Farḥūn di dalam kitab *Tabṣīrah al-Hukkām fī Usūl al-Aqḍīyyah wa Manāhij*⁷ dari mazhab Mālikī, al-Bahūtī di dalam kitab *al-Minaḥ al-Shāfiyāt bi Sharḥ Mufradāt al-Imām Aḥmad*⁸ daripada mazhab Ḥanbalī dan Shaykh Nizām di dalam kitab *al-Fatāwā al-Hindiyyah*⁹ dari mazhab Ḥanafī. Prinsip penting dalam penghakiman adalah memastikan hakim melaksanakan dengan keadilan sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Surah al-Nisā' ayat 58 iaitu:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ
بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

“Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukumkan dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”

(Surah al-Nisā', 4: 58)

Ibn Kathīr dalam kitabnya menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan supaya menunaikan amanah kepada pemiliknya.¹⁰ Amanah yang dimaksudkan adalah meliputi hak Allah SWT dan

⁶ al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 4: 498.

⁷ Ibn Farḥūn, *Tabṣīrah al-Hukkām fī Usūl al-Aqḍīyyah wa Manāhij al-Aḥkām* (Riyadh: Dār `Ālam al-Kutub, 2003), 1:9.

⁸ Mansūr bin Yūnus bin Ṣalāḥ al-Dīn al-Bahūtī, *al-Minaḥ al-Shāfiyāt bi Sharḥ Mufradāt al-Imām Aḥmad* (Riyadh: Dār Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī', 2006), 2:772.

⁹ al-'Allāmah al-Humām Maulānā Al-Shaikh Nizām, *al-Fatāwā al-Hindiyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 3:295.

¹⁰ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm* (Giza: Muassasah Qurṭubah, 2000), 4: 124.

hak manusia.¹¹ Walau bagaimanapun Ibn Kathīr tidak menekankan kepada perbincangan huraian keadilan sebagaimana perbincangan berkenaan amanah. Muḥammad al-Zuḥaylī juga menerangkan ayat ini merupakan suruhan kepada hakim agar melaksanakan hukuman dengan keadilan dan itulah kebenaran.¹² al-Qurtubī di dalam tafsir *al-Jāmi` li Ahkam al-Qurān* yang menerangkan bahawa ayat ini adalah dituju kepada pemerintah dan pelaksana hukum.¹³ Wahbah al-Zuḥaylī di dalam kitab *al-Tafsīr al-Wajīz* menerangkan bahawa hakim dan pemerintah hendaklah melaksanakan penghakiman dengan keadilan kerana ianya merupakan kebenaran yang jelas berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.¹⁴ Huraian ulama' dalam menghuraikan ayat ini menjelaskan berkenaan dengan proses penghakiman hendaklah dilakukan dengan adil dan integriti sebagaimana ketetapan Syarak. Selain daripada memutuskan penghakiman, hakim hendaklah memastikan hukuman dan perintah yang diputuskan tersebut dilaksanakan.¹⁵

Kompetensi hakim dalam melaksanakan penghakiman juga perlulah mempunyai ilmu dan integriti dalam melaksanakan tugas kehakiman sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh *Ibn Buraydah* berkenaan tiga jenis hakim dalam melaksanakan hukuman yang mana hanya satu sahaja yang masuk syurga, iaitu “*lelaki yang mengetahui kebenaran dan membuat penghakiman*

¹¹ *Ibid.*, 4: 125.

¹² Muḥammad al-Zuḥaylī, *al-Mu`tamad*, 5: 370.

¹³ Abī `Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurtubī, *al-Jāmi` li Ahkam al-Qurān* (Beirut: Mu`assasah al-Risālah, 2006), 6: 427.

¹⁴ Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Tafsīr al-Wajīz `alā Hāmish al-Qurān al-`Azīm wa ma`ah Asbāb al-Nuzūl wa Qawā'id al-Tartīl* (cet. ke-2, Damsyiq: Dār al-Fikr li al-Ṭibā`ah wa al-Tawzi` wa al-Nashr, 1996), 88.

¹⁵ Zulzaidi Mahmod, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin, “Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak,” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 6, no. 39 (2021), 42.

dengannya".¹⁶ al-Ḥusaynī menyatakan bahawa sesiapa yang tidak mempunyai keahlian dalam jawatan kehakiman ini iaitu seperti tidak mempunyai pengetahuan, fasiq dan hakim yang rasuah¹⁷ maka mereka adalah di neraka.¹⁸ Ibn Qudāmah menyatakan bahawa terdapat jenis orang yang tidak harus memegang jawatan ini kerana tidak mempunyai syarat kelayakan sebagaimana pernyataan hadith ini.¹⁹ Oleh yang demikian, berdasarkan autoriti yang dikemukakan menunjukkan bahawa bagi proses penghakiman hendaklah bermula dengan melantik hakim yang berkelayakan, berilmu dan berintegriti terhadap amanah yang diberikan kepadanya. Prasyarat ini menjadi asas kepada proses keadilan dan penghakiman yang dilakukan sebagaimana kehendak perintah Allah SWT dan suruhan Rasulullah SAW. Memastikan proses penghakiman yang dibuat secara telus, maka penulisan penghakiman tersebut dibuat secara teratur sebagaimana ditetapkan *Fiqh al-Qaḍā'*.

PENULISAN PENGHAKIMAN MENURUT PERSPEKTIF *FIQH AL-QAḌĀ'*

Penulisan penghakiman telah dibincangkan di bawah bab yang sama secara tersusun dan teratur di bawah tajuk khusus berkenaan perkara ini. Kepentingan penulisan dan catatan telah menjadi asas utama kepada prinsip keadilan yang digariskan oleh al-Quran dan hadith. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang membincangkan berkenaan penulisan dan catatan antaranya wasiat, hutang dan perjanjian. Perkara ini boleh dirujuk di dalam Surah al-Baqarah ayat 282 berkenaan dengan penulisan dalam hal hutang sebagaimana berikut:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى

¹⁶ Abī Dawud, *Sunan Abī Dawud* (Riyadh: Maktabah al-Ma`arif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1424H), 641 (Kitab al-Qaḍā', Bāb fī al-Qaḍī Yukhtī', no. hadith 3573).

¹⁷ Taqī al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaynī, *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥallī Ghāyah al-Ikhtisār* (Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2001), 726.

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī* (Lubnan: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah, 2004), 2507.

فَاَكْتُبُوهُ^ع وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ^ع كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب^ع
كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ
الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْئًا^ع

“Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu, dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah SWT telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas), dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah SWT Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu.”

(Surah al-Baqarah, 2: 282)

Ibn Kathir dalam mentafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa sekiranya perkara hutang berlaku dalam tempoh yang tertentu maka hendaklah ditulis hal tersebut.²⁰ Catatan merupakan perkara yang penting yang memberi kesan kepada kehidupan sehingga Allah SWT mengajarkan perkara tersebut kepada manusia. Perihal hutang ini juga dinyatakan di dalam surah al-Nisa' ayat 11 berkenaan dengan pembahagian harta faraid yang perlu dijelaskan hutang terlebih dahulu. Perihal wasiat dalam bentuk penulisan juga dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW sebagaimana berikut:

مَا حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ، لَهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ، يَبِيتُ ثَلَاثَ
لَيَالٍ، إِلَّا وَوَصِيَّتَهُ عِنْدَهُ مَكْتُوبَةً

“Tiada hak bagi seorang Muslim, baginya sesuatu yang hendak diwasiatkan padanya untuk bermalam sebanyak tiga malam, melainkan wasiatnya

²⁰ Ibn Kathīr, *“Tafsīr al-Qurān al-`Azīm,”* 2:505.

ditulis...”²¹

Selain dari hutang dan wasiat, perihal surat dan perjanjian juga dinyatakan dalam bentuk penulisan yang pernah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW. Rasulullah SAW menggunakan penulisan dalam hal urusan negara seperti risalah kepada raja-raja.²² Perkara ini menjelaskan bahawa Islam amat menitikberatkan perihal penulisan dan catatan untuk memastikan kehidupan manusia berjalan dengan lancar dan mengelakkan penipuan pihak yang tertentu.

Jawatan kehakiman mempunyai syarat-syarat yang dikhususkan oleh fuqaha` di dalam perbincangan *Fiqh al-Qadā`*. Ibn Qudāmah²³ dan al-Ḥusaynī²⁴ merupakan antara fuqaha` telah meletakkan salah satu syarat kelayakan melantik hakim adalah boleh menulis. Walaupun syarat ini bukanlah syarat utama, tetapi ianya boleh dijadikan asas penting untuk memastikan hakim mempunyai kemahiran yang khusus dalam penulisan dan catatan. `Abd al-Karīm Zaydān telah menyatakan bahawa “*hakim atau pencatat hakim mestilah menulis semua perkara yang berhubung kes, dakwaan, keterangan dan jawapan pihak-pihak yang bertikai*”.²⁵ Pekara ini menunjukkan bahawa hakim hendaklah dari kalangan orang yang mempunyai asas penulisan yang kukuh dalam menjawat jawatan kehakiman ini. Muḥammad al-Zuḥaylī telah menyatakan bahawa hakim hendaklah menulis penghakiman yang dibuat olehnya.²⁶ Tujuan penulisan penghakiman tersebut yang dilakukan oleh hakim adalah untuk memastikan ketelusan dalam setiap proses penghakiman. Setiap catatan berkenaan dengan pengambilan keterangan, proses pembuktian dan apa-apa perkara berhubung prosiding kes hendaklah ditulis dengan

²¹ Hadis riwayat Muslim. Lihat al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī al-Faḍl `Iyāḍ bin Mūsā bin `Iyāḍ, *Ikmāl al-Mu`lim bi Fawā'id Muslim* (al-Mansūrah: Dār al-Wafā` li al-Ṭabā`ah wa al-Nashr wa al-Tawzī`, 1998), 5: 360 (Kitāb al-Waṣiyah”, no. hadis 1627).

²² Muḥammad Sa`īd Ramaḍān al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyyah* (cet.22, Kaherah: Dār al-Salām, 2011), 250.

²³ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 1: 2510.

²⁴ al-Ḥusaynī, *Kifāyah al-Akhyār*, 729.

²⁵ `Abd al-Karīm Zaydān, *Nizām al-Qadā` fī al-Sharī`ah al-Islāmiyyāh* (Beirūt: Mu`assasah al-Risālah Nāshirūn, 2011), 219

²⁶ Muḥammad al-Zuḥaylī, *al-Mu`tamad*, 5: 462.

adil. Para fuqaha` telah memberi perhatian pada perkara ini untuk memastikan institusi ini dilaksanakan oleh hakim yang berkelayakan dan dapat melaksanakan tugas sebagaimana ketetapan syarak agar asas keadilan dapat dipraktikkan melalui penulisan penghakiman.

Perbincangan *Fiqh al-Qadā'* juga meletakkan satu bab khusus berkenaan pembantu hakim bagi tujuan melicinkan urusan kehakiman. Jawatan pembantu hakim antaranya adalah (*Kātib al-Qadī*)²⁷ iaitu pencatat bagi pihak hakim yang bertanggungjawab menulis apa yang nyatakan oleh hakim di dalam urusan kehakiman. Muṣṭafā al-Khin et al. telah menyatakan syarat kepada pencatat mahkamah ini adalah mengetahui berkenaan penulisan *al-Sijjilāt* (rekod) dan penulisan *al-Maḥaḍar* (catatan perbincaraan).²⁸ Perkara ini juga dinyatakan oleh Muḥammad al-Zuḥaylī²⁹ berkenaan syarat tersebut. `Abd al-Karīm Zaydān telah meletakkan syarat bahawa pencatat mahkamah hendaklah dari kalangan orang yang adil dan mempunyai kecukupan dari segi ilmu fiqh dan pengetahuan.³⁰ Pelantikan jawatan pencatat adalah bertujuan membantu proses penghakiman agar hakim memfokuskan tugas tanpa diganggu dengan proses mencatat di dalam prosiding kes. Walau bagaimanapun dengan adanya pencatat, tidak menyebabkan hakim mengabaikan tugas mencatat pada perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam mahkamah. Hal ini untuk memastikan hakim mempunyai pengetahuan perkara-perkara keutamaan dalam prosiding perbincaraan. Kerelevanan jawatan pencatat ini juga menunjukkan bahawa Islam amat menekankan kualiti proses penghakiman yang dibuat oleh hakim. Hakim bukan hanya dapat memfokuskan kepada prosiding kes sekiranya mempunyai pencatat, tetapi juga mempunyai waktu untuk membuat penilaian secara telus dan tidak tergesa-gesa untuk memastikan keadilan dibuat dengan efisien.

Catatan dalam proses penghakiman dibincangkan melalui bab-bab kecil di bawah tajuk *al-Sijjilāt*, *al-Maḥaḍar* dan *Kitāb al-Qadī ilā al-Qadī* sebagaimana dibincangkan oleh `Abd al-Karīm

²⁷ `Abd al-Karīm Zaydān, *Nizām al-Qadā'*, 48.

²⁸ Muṣṭafā al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2011), 3: 541.

²⁹ Muḥammad al-Zuḥaylī, *al-Mu'tamad*, 5: 386.

³⁰ `Abd al-Karīm Zaydān, *Nizām al-Qadā'*, 47.

Zaydān³¹ dan al-Ḥusaynī³² di dalam kitab mereka. *al-Maḥḍar* merupakan catatan dalam urusan perbicaraan secara khusus manakala *al-Sijjil* adalah rekod perbicaraan dan ditambah dengan penulisan penghakiman.³³ `Abd al-Karīm Zaydān menyatakan bahawa hakim hendaklah menulis atau menyuruh pencatat hakim menulis dua salinan daripada *al-Maḥḍar* dan *al-Sijjil* untuk tujuan disimpan di mahkamah sesalinan dan diberikan kepada pihak yang mendakwa.³⁴ Ibn Qudāmah telah menyatakan bahawa catatan tersebut ditulis untuk dijadikan hujah.³⁵

Proses catatan dan rekod perbicaraan sebagaimana yang dinyatakan oleh fuqaha` menjelaskan berkenaan kepentingan dokumentasi dan rekod-rekod di dalam perjalanan kes. Hal ini memberikan kekuatan proses kehakiman Islam yang amat memberi perhatian kepada prosiding yang dijalankan dengan mencatat perkara-perkara utama bagi tujuan semakan dan rekod kes. Perbincangan proses mencatat ini dibincangkan secara berhati-hati dalam *Fiqh al-Qaḍā'* daripada pelbagai aspek termasuk pencatat, rekod catatan, kesaksian catatan, penghakiman dan proses simpanan *al-Maḥḍar* dan *al-Sijjil* tersebut. Oleh itu, perkara catatan ini dapat mengelakkan tohmahan terhadap proses penghakiman kerana Islam amat memberikan perhatian terhadap perkara ini secara telus dan berkesan.

Selain daripada itu, perihal penulisan penghakiman juga dibincangkan berkenaan dengan *Kitāb al-Qaḍī ilā al-Qaḍī* iaitu penulisan berkenaan pelaksanaan keputusan hakim. Fuqaha' amat teliti berkenaan dengan penulisan *Kitāb al-Qaḍī ilā al-Qaḍī* untuk memastikan kesahannya dibuat dan dipersaksikan di hadapan dua orang saksi sebagaimana dinyatakan oleh Muḥammad al-Zuḥaylī.³⁶ Persaksian ini adalah untuk memastikan bahawa catatan tersebut adalah benar dan boleh dilaksanakan sebagaimana yang telah diperintahkan. Persaksian merupakan asas penting kepada setiap proses transaksi di dalam Islam terutama dalam melibatkan persoalan hak-hak yang ditetapkan dalam perundangan Islam.

³¹ *Ibid.*, 219.

³² al-Ḥusaynī, "*Kifāyah al-Akhyār*," 737.

³³ `Abd al-Karīm Zaydān, "*Nizām al-Qaḍā'*", 219.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Ibn Qudāmah, "*al-Mughnī*," 1:2533.

³⁶ Muḥammad al-Zuḥaylī, "*al-Mu`tamad*," 5:559.

Penulisan alasan penghakiman juga telah disentuh oleh Muhammad al-Zuhayli dalam kitabnya *al-Mu`tamad* di bawah tajuk “*Sabab al-Hukm*”.³⁷ Hakim perlulah menerangkan sebab-sebab kepada keputusan yang diberikan agar pihak terbabit berasa tenang dan senang apabila menerima keputusan tersebut.³⁸ Penulisan alasan penghakiman ini adalah untuk mengelakkan tohmahan dan tuduhan bahawa hakim telah lalai dan cuai dalam melaksanakan tugas kehakiman sebagaimana yang telah diamanahkan. Hal ini menunjukkan bahawa alasan penghakiman yang dibuat oleh hakim merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian. Pelaksanaan penulisan alasan penghakiman akan memberikan kelegaan kepada pihak-pihak dan secara tidak langsung institusi kehakiman Islam dimartabatkan dan dipercayai.

Perbincangan perihal penulisan proses penghakiman dalam *Fiqh al-Qadā'* telah dibincangkan oleh fuqaha' secara terperinci untuk memastikan proses kehakiman dijalankan dengan penuh keadilan dan teratur. Perkara ini menunjukkan jawatan kehakiman yang dijalankan oleh hakim akan dilaksanakan dengan berhati-hati dan profesional. Perihal penulisan prosiding penghakiman wajar dilihat secara menyeluruh berdasarkan aplikasi yang dilaksanakan dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia melalui peranan Mahkamah Syariah. Perkara ini akan menjawab objektif kepada penulisan makalah ini berkenaan aplikasi penulisan penghakiman sebagaimana digariskan dalam *Fiqh al-Qadā'*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN PENULISAN PENGHAKIMAN MENURUT PERSPEKTIF KEHAKIMAN SYARIAH DI MALAYSIA

Penulisan penghakiman di Mahkamah Syariah merupakan perkara penting di dalam prosiding kehakiman. Terdapat perbezaan di antara penghakiman bertulis dan penulisan alasan penghakiman menurut perspektif undang-undang. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan berkenaan dengan penulisan penghakiman dari aspek catatan percicaraan, nota keterangan, rekod mahkamah dan penulisan teks alasan penghakiman berdasarkan perspektif undang-undang dan penggunaan arahan amalan yang dikeluarkan

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Penulisan Prosiding Penghakiman dan Penulisan Alasan Penghakiman Menurut Peruntukan Undang-Undang

Proses penghakiman kes-kes Syariah di Malaysia adalah dilaksanakan di Mahkamah Syariah Negeri (MSN) yang diwujudkan melalui peruntukan undang-undang. Perwujudan institusi ini bertujuan untuk memastikan keadilan ditegakkan melalui institusi yang diiktiraf dan dilaksanakan oleh pihak yang kompeten.³⁹ Penghakiman yang diputuskan oleh Hakim Syarie hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang bertikai dan pihak-pihak yang dinamakan di dalam perintah dan penghakiman tersebut sebagaimana terma-terma yang diputuskan.⁴⁰ Penghakiman di Mahkamah Syariah dikeluarkan melalui prosiding dan prosedur yang ditetapkan melalui perundangan yang diwartakan.⁴¹ Seksyen 3 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 memperuntukkan maksud “*penghakiman*” termasuklah *alasan penghakiman*. Tafsiran ini juga boleh dirujuk kepada kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 mentafsirkan “*keputusan*” termasuklah *penghakiman, hukuman atau perintah, tetapi tidak termasuk apa-apa ketetapan yang dibuat dalam perjalanan sesuatu perbincangan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad*.⁴² Tafsiran yang digunakan ini

³⁹ Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, Wakalah Peguam Syarie Terhadap Permohonan Status Pengesahan Agama di Negeri Sarawak Berdasarkan Pendekatan Maqasid al-Syariah, dalam Nasimah Hussin et al., (eds.) dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan* (Malaysia: JKSM & UIAM, 2021), 453-383.

⁴⁰ Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin, “Cabaran Penguatkuasaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak di Sarawak,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6 no. 10 (2021), 254.

⁴¹ Zulzaidi Mahmud, “Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah,” 43.

⁴² Sek. 3, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91).

juga diaplikasikan di Mahkamah Syariah di Malaysia.

Penulisan berkaitan prosiding kehakiman hendaklah dipatuhi oleh Hakim Syarie yang menjalankan pengurusan dan perbicaraan kes tersebut. Seseorang Hakim Syarie perlu mempunyai keberanian di dalam membuat penghakiman dan menjatuhkan keputusan.⁴³ Abdul Hamid Mohamed dan Ahmad Ibrahim menyatakan bahawa seseorang hakim hendaklah menjalankan tugas dengan sebaiknya dan ianya perlu mahir serta keilmuan yang cukup dengan Hukum Syarak dan undang-undang yang berkenaan.⁴⁴ Kredibiliti seorang Hakim Syarie adalah perkara penting dalam membuat keputusan dan penghakiman serta alasan penghakiman.⁴⁵

Bagi tujuan prosiding penghakiman yang menjadi asas kepada proses penghakiman adalah catatan perbicaraan dan nota keterangan yang dibuat oleh Pendaftar dan Hakim Syarie yang menjalankan tugas ini. Nota perbicaraan adalah meliputi tarikh persidangan kes, kehadiran pihak-pihak, apa-apa permohonan atau bantahan lisan, keputusan, arahan, perintah dan keterangan saksi-saksi.⁴⁶ Catatan ini penting bagi tujuan Hakim Syarie membuat penghakiman berdasarkan rekod-rekod catatan yang ada di dalam fail mahkamah. Perihal catatan keterangan adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 124 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998:

“Mahkamah hendaklah merekodkan keterangan yang diberikan dan, setakat yang didapati perlu, penghujahan undang-undang yang dibuat, termasuk apa-apa bantahan terhadap keterangan, dan boleh merekodkan apa-apa pemerhatian tentang tingkah laku saksi dan perkara material yang lain.”

⁴³ Ghazali Abdul Rahman, ‘Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian,’ *Jurnal Hukum* XIX, no. 2 (2005), 212.

⁴⁴ Abdul Hamid Mohamed & Ahmad Ibrahim, ‘Nota Perbicaraan dan Penghakiman,’ *Jurnal Hukum* IX, no. 1 (1994), 1.

⁴⁵ Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, ‘Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan,’ *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah* 1, no. 2 (2016), 212.

⁴⁶ Ahmad Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam, 1997), 119.

Peruntukan ini secara jelas menunjukkan peranan mahkamah yang dilaksanakan oleh Hakim Syarie bagi mencatat dan merekodkan keterangan. Kegagalan Hakim Syarie merekodkan nota keterangan dengan sempurna memberikan kesan kepada proses penghakiman dan juga penulisan teks alasan penghakiman. Kepentingan catatan nota keterangan telah dinyatakan di dalam kes *Hayati Othman lwn. Ayob bin Zainal*.⁴⁷ Panel Rayuan menegur hakim bicara yang *tidak mencatatkan nota keterangan di dalam kes ini dengan cermat dan teliti*. Menjadi tanggungjawab besar ke atas hakim bicara untuk mencatat nota keterangan.⁴⁸ Selain itu, Hakim Syarie juga perlu menyemak semula nota keterangan dalam prosiding kes bagi tujuan membuat penghakiman dan teks alasan penghakiman. Setelah semua acara diikuti dengan sempurna, keterangan telah didengar dan diambil, fakta-fakta kes telah diteliti, isu undang-undang telah dikenal pasti, di akhir perbicaraan, maka Hakim Syarie dikehendaki membuat penghakiman atau keputusan kes yang dibicarakan tersebut.⁴⁹

Asas kepada aspek penulisan berkenaan penghakiman di Mahkamah Syariah adalah berpandukan kepada seksyen 130(1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 iaitu:

“Tiap-tiap Hakim perbicaraan hendaklah menyampaikan penghakiman bertulis.”

Peruntukan ini dengan jelas menyatakan berkenaan penghakiman bertulis. Penghakiman bertulis tersebut hendaklah dibuat secara teratur oleh Hakim Syarie untuk memastikan prosiding dibuat berpandukan undang-undang. Penghakiman yang dibuat oleh hakim bicara hendaklah disertakan dengan penghakiman bertulis dan perkara ini amat penting apabila melibatkan prosiding rayuan.⁵⁰ Penghakiman merupakan perkara penting sebagaimana dinyatakan di dalam seksyen 130(4) Akta

⁴⁷ *Hayati Othman lwn. Ayob bin Zainal* (1991) VII(2) JH 246.

⁴⁸ Mohd Nadzri Abdul Rahman, *Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Prinsip dan Amalan* (Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources, 2010), 183.

⁴⁹ Ghazali Abd. Rahman, “Proses Penghakiman,” 210.

⁵⁰ Mastura Razali & Jasni Sulong, “Amalan Penulisan Penghakiman,” 46.

Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 memperuntukkan bahawa penghakiman yang diumumkan hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod mahkamah.⁵¹ Hal ini bermaksud bahawa penghakiman yang dibuat oleh mahkamah akan dibuat secara bertulis bagi memenuhi keperluan kehakiman Syariah di Malaysia. Perkara ini juga tertakluk kepada seksyen 136 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 iaitu penghakiman atau perintah hendaklah ditarik dan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penghakiman atau perintah itu diberikan atau dibuat. Hal ini menunjukkan bahawa penghakiman yang dibuat akan dicetak secara bertulis dengan dilengkapi tarikh penghakiman bagi tujuan kuatkuasa perintah.

Teks alasan penghakiman merupakan perkara penting dalam penulisan prosiding kehakiman di Mahkamah Syariah. Teks alasan penghakiman juga merupakan hujahan yang dibuat oleh Hakim Syarie serta mengemukakan autoriti yang digunakan bagi menyokong keputusan berhubung sesuatu isu yang dipertikaikan dalam prosiding.⁵² Teks alasan penghakiman ini sinonim disebut dalam kes-kes yang melibatkan prosiding rayuan. Alasan penghakiman pula merupakan sebahagian daripada rekod rayuan.⁵³ Hal ini dirujuk sebagaimana di dalam peruntukan undang-undang di dalam seksyen 142(1)(c) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 berkenaan dengan rekod rayuan yang perlu disertakan alasan penghakiman. Alasan penghakiman juga dinyatakan di dalam seksyen 145 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 berkenaan "*Mahkamah yang mendengar rayuan hendaklah menyatakan alasan penghakimannya secara bertulis.*"

Berdasarkan peruntukan undang-undang jelas menunjukkan teks alasan penghakiman merupakan aspek penting yang melibatkan prosiding rayuan sama ada menilai alasan penghakiman hakim bicara dan juga membuat alasan penghakiman bagi

⁵¹ Seksyen 130(4) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998

⁵² Mohamad Abdullah, *Kehakiman Islam Teori dan Pelaksanaan* (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2017), 67.

⁵³ Ahmad Ibrahim, "*Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia,*" 125.

kes yang dirayu. Oleh yang demikian, undang-undang yang memperuntukkan berkenaan penulisan prosiding penghakiman seperti catatan perbicaraan, nota keterangan, penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman adalah selari dengan pendekatan yang digariskan oleh *Fiqh al-Qadā'* bagi memastikan keadilan dalam semua aspek kehakiman. Pendekatan perbincangan *Fiqh al-Qadā'* jelas menunjukkan bahawa Islam mementingkan perihal cacatan dalam memastikan keadilan dilaksanakan dan perkara ini diaplikasikan di Mahkamah Syariah.

Penulisan Teks Alasan Penghakiman Hakim Syarie melalui pendekatan Arahan Amalan Mahkamah Syariah

Penulisan teks alasan penghakiman tidak hanya menggunakan ketetapan yang telah diperuntukkan oleh undang-undang sahaja. Pemakaian arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM juga digunakan dalam proses penulisan teks alasan penghakiman bagi memastikan keselarasan dan keseragaman dalam perkara ini. Arahan amalan di Mahkamah Syariah adalah bertujuan menjelaskan peruntukan undang-undang, menyeragam, menyelaraskan dan meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran kehakiman.⁵⁴ Merujuk kepada kes *Ahmad Tamyiz Bin Haji Mak Aris Noor Haslinda Binti Hussin lawan Norashikin Binti Abu Bakar*⁵⁵ yang mana Panel Rayuan telah mengulas berkenaan dengan arahan amalan (*practice direction*) dengan menyatakan “*Arahan Amalan dikeluarkan untuk menjelaskan tatacara atau prosedur yang tidak jelas dan kabur dalam melaksanakan kerja-kerja di Mahkamah...*”.⁵⁶ Perkara ini menunjukkan bahawa arahan amalan sangat membantu kepada proses tatacara di MSN bagi tujuan penyelarasan termasuk proses penghakiman dan penulisan

⁵⁴ Awang Suhaili Ledi, ‘Perutusan YAA Ketua Hakim Syarie Sarawak,’ dalam *Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak Tahun 2000-2017* (Sarawak: Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, 2018).

⁵⁵ *Ahmad Tamyiz bin Haji Mak Aris Noor Haslinda Binti Hussin lwn. Norashikin Binti Abu Bakar* [2020] Jurnal Hukum Edisi Khas Sempena Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020, 63-82.

⁵⁶ *Ahmad Tamyiz lwn. Norashikin* [2020] Jurnal Hukum Edisi Khas, 75.

alasan penghakiman.

Pemakaian arahan amalan adalah penting demi menyeragamkan dan melicinkan urusan pentadbiran kehakiman dan perundangan Syariah di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.⁵⁷ Selain itu arahan amalan juga dikeluarkan untuk memastikan pentadbiran kehakiman dan proses perbicaraan dapat dijalankan dengan adil dan sistematik.⁵⁸ Kewujudan arahan amalan ni mempunyai tujuan yang baik serta selaras dengan Maqasid al-Syari'ah dari aspek menjaga agama (al- Dīn) dan harta (al-Māl).⁵⁹ Arahan amalan juga dapat menyelesaikan dan mengatasi banyak isu-isu ketidakseragaman pemakaian undang-undang dan lakuna di dalam pentadbiran kehakiman dan perundangan di Mahkamah Syariah seterusnya menjamin keadilan kepada pihak-pihak.⁶⁰ Arahan amalan dikuatkuasa dan dilaksanakan setelah mendapat pengesahan daripada Ketua Hakim Syarie MSN.⁶¹ Perkara ini dilakukan melalui tatacara penerimaan arahan amalan di Jabatan

⁵⁷ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Laporan Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2020 Zon Timur Dan Selatan' dilaksanakan pada 24 Jun 2021, laman sesawang *Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 13 September 2021. <http://202.75.5.210/index.php/en/29-aktiviti/1120-laporan-muzakarah-pemahaman-arahan-amalan-mahkamah-syariah-tahun-2020-zon-timur-dan-selatan?tmpl=component&print=1>

⁵⁸ Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang, 'Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan Dalam Pentadbiran Kehakiman Dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,' *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 33, no. 1 (2021), 31.

⁵⁹ Mazni Abdul Wahab, 'Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur,' *Jurnal Penyelidikan Undang-Undang Syariah* 1, no. 2 (2016), 176.

⁶⁰ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2020 Zon Utara dan Tengah pada Julai 2021, laman sesawang *Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 13 September 2021. <http://202.75.5.210/index.php/en/29-aktiviti/1236-pemahaman-arahan-amalan-mahkamah-syariah-tahun-2020-zon-utara-dan-tengah?tmpl=component&print=1>

⁶¹ Zubaidi & Ahmad Hidayat, 'Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,' 45.

Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan MSN berdasarkan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2018.⁶² Arahan amalan di Mahkamah Syariah tidak berstatus undang-undang.⁶³

Walau bagaimanapun penggunaan arahan amalan membantu proses kehakiman dan penghakiman di MSN dan juga pengurusan pentadbiran di JKSM, JKSN dan MSN. Arahan amalan yang diperkenal dan digunapakai di Mahkamah Syariah adalah satu langkah dalam kerangka prinsip Siyasa Syar'iyah yang mesti diikuti, dipatuhi serta diterimapakai selagi mana ianya tidak bertentangan dengan Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan oleh Mazni Abdul Wahab.⁶⁴ Hakim Syarie dalam menjalankan tugas kehakiman akan menggunakan arahan amalan yang ditetapkan di peringkat negeri termasuk proses penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman. Arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM setiap tahun adalah sejak dari tahun 2000. Berikut merupakan jadual berkaitan pengeluaran Arahan Amalan JKSM:

Jadual 1: Jumlah Arahan Amalan JKSM dari Tahun 2000 hingga 2019

Tahun	Bilangan Arahan Amalan	Batal
2000-2004	65	15
2005-2009	54	11
2010-2014	39	6
2015-2019	50	2
Jumlah	208	34

Sumber: Arahan Amalan JKSM Tahun 2000-2019 & Mohd Nadzri⁶⁵

Keseluruhan arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM sehingga 2019 adalah sebanyak 208 arahan amalan dalam semua

⁶² Arahan Amalan No. 8 Tahun 2018, '*Tatacara Penerimaan dan Pengendorsan Arahan Amalan*'.

⁶³ Zubaidi & Ahmad Hidayat, 'Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,' 46.

⁶⁴ Mazni Abdul Wahab, 'Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur,' 182.

⁶⁵ Mohd Nadzri Abdul Rahman, "*Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Syariah*", 13.

aspek termasuk pengurusan, prosiding, pentadbiran, proses penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman. Jumlah arahan amalan yang dibatalkan dalam tempoh 20 tahun adalah sebanyak 34 arahan amalan dan yang masih berkuatkuasa sehingga 2019 adalah sebanyak 174. Pemakaian arahan amalan ini dapat mewujudkan amalan dan standard operasi serta prosiding yang sama di setiap Mahkamah Syariah di Malaysia.⁶⁶ Keberkesanan pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah merupakan suatu mekanisme baru untuk memperkasakan pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia.⁶⁷ Berdasarkan keseluruhan arahan amalan yang dikeluarkan bagi penggunaan JKSM, JKSJ dan MSN seluruh Malaysia, terdapat arahan amalan khusus yang digunakan bagi tujuan penulisan penghakiman dan perkara yang berkaitan. Arahan amalan tersebut sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 2: Arahan Amalan JKSM 2000-2019 Berkaitan “Penulisan Prosiding Penghakiman”

Bil.	Tajuk Arahan Amalan	No. Bil Arahan Amalan	Catatan
1.	Alasan Penghakiman	No. 6 Tahun 2001	
2.	Keselaran Keputusan Kes	No. 7 Tahun 2001 ⁶⁸	

⁶⁶ Zubaidi & Ahmad Hidayat, ‘Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,’ 48.

⁶⁷ Mazni Abdul Wahab, ‘Pemeriksaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia’ (Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 235.

⁶⁸ Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9-11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung keselaran keputusan. Keputusan Mahkamah Rayuan Syariah Negeri hendaklah mengikat Mahkamah bawahannya dan ianya juga boleh mengubah keputusannya selepas daripada itu sekiranya berpendapat sedemikian. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

3.	Pengumpulan Kes-kes Untuk Jurnal Hukum	No. 10 Tahun 2001	
4.	Kesan Keputusan Mahkamah yang lebih Tinggi	No. 1 Tahun 2002 ⁶⁹	
5.	Tempoh Masa Pengemukaan Nota Perbicaraan Bagi Maksud Rayuan	No.8 Tahun 2002	*telah dibatalkan melalui Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017.
6.	Percanggahan Keputusan Kes	No.14 Tahun 2002 ⁷⁰	

⁶⁹ Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.3 Tahun 2002 pada 7 Mei 2002 di Johor Bahru bersamaan 25 Safar 1423 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai keputusan berhubung isu-isu, fakta dan undang-undang yang sama atau ada persamaan yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang lebih tinggi hendaklah dihormati oleh Mahkamah yang lebih rendah . Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2002.

⁷⁰ Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.3 Tahun 2002 pada 7 Mei 2002 di Johor Bahru bersamaan 25 Safar 1423 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan amalan berhubung apa-apa keputusan kes atas isu yang sama oleh pihak-pihak yang sama yang dikeluarkan terdahulu oleh Mahkamah sesebuah negeri, hendaklah dihormati oleh semua peringkat Mahkamah di negeri yang lain setakat dibenarkan oleh undang-undang negeri yang berkuatkuasa. Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2002

7.	Hakim Mengubah Perintah Sendiri	No .4 Tahun 2004 ⁷¹	
8.	Pemakluman Keputusan Kes Rayuan	No. 11 Tahun 2004 ⁷²	* Dibatalkan dan digantikan dengan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2018
9.	Butiran Perintah Harta Sepencarian Berbentuk Hartanah	Arahan Amalan No. 6 Tahun 2007	
10.	Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman	No. 11 Tahun 2011	* Dibatalkan dan digantikan dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014
11.	Penggunaan Aplikasi E-Bicara Oleh Hakim Syarie	No. 6 Tahun 2013	* Dibaca bersama Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 dan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002

⁷¹ Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 1 Tahun 2004 pada 8-9hb Jun 2004 bersamaan 19 – 20hb. Rabiulakhir, 1425H di Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung tegahan kepada setiap Hakim daripada mengubah mana-mana perintah yang telah di buat oleh beliau dan mana-mana Hakim yang berhasrat untuk mengubah keputusannya tersebut hendaklah memanjangkannya ke Mahkamah yang lebih tinggi untuk semakan. Arahan ini berkuatkuasa mulai 8 Jun 2004

⁷² Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil Tahun 2004 pada 8-9hb. Jun 2004 bersamaan 19-20hb. Rabiulakhir, 1425H di Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung tanggungjawab Ketua Pendaftar/Pendaftar Mahkamah yang mendengar rayuan hendaklah memaklumkan secara bertulis mana-mana keputusan kes rayuan kepada Mahkamah yang keputusannya dirayu dalam masa tujuh hari (7) dari tarikh keputusan dikeluarkan.

12.	Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman	No. 2 Tahun 2014	*Amalan ini telah membatalkan Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011
13.	Tempoh Masa mengemukakan Nota Perbicaraan Bagi Maksud Rayuan	No. 6 Tahun 2017	*Arahan Amalan ini telah membatalkan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002

Sumber: Arahan Amalan JKSM Tahun 2000-2019

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat lebih daripada 10 arahan amalan yang telah dikeluarkan oleh JKSM berkaitan penulisan prosiding penghakiman. Nadzri Abdul Rahman telah membahagikan arahan amalan berkenaan perintah dan penghakiman kepada 21 arahan amalan.⁷³ Pihak JKSM berdasarkan laman sesawang *Portal Rasmi E-Syariah* telah mengklasifikasikan sebanyak 5 arahan amalan berkenaan penulisan alasan penghakiman dan 18 arahan amalan berkenaan penghakiman dan perintah.⁷⁴ Penyelidikan hanya mengkhususkan 13 arahan amalan yang berkaitan sahaja bagi mengemukakan dalam makalah ini yang berkait dengan proses penulisan penghakiman. Berdasarkan jadual di atas dan kandungan kepada arahan amalan yang dinyatakan di atas maka perkara asas berkaitan penulisan penghakiman yang dibincangkan adalah Nota Perbicaraan, kandungan yang perlu ada dalam teks alasan penghakiman, garis panduan penulisan alasan penghakiman, tempoh masa penyediaan alasan penghakiman.

Berdasarkan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017 berkenaan tempoh masa mengemukakan nota perbicaraan bagi maksud

⁷³ Mohd Nadzri Abdul Rahman, “*Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Syariah*,” 326.

⁷⁴ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, ‘Penghakiman dan Perintah’, laman sesawang *Portal Rasmi E-Syariah*, diakses 13 Ogos 2021, <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan%20-%20Penghakiman%20dan%20Perintah>.

rayuan merupakan tempoh penyediaan yang perlu dibuat oleh Hakim Syarie yang mana nota perbincaraan hendaklah disediakan tidak lewat daripada lapan minggu setelah notis rayuan difailkan terhadap keputusan mahkamah. Sekiranya dirujuk dengan lebih mendalam kepada Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013 berkenaan “*Penggunaan Aplikasi e-Bicara oleh Hakim Syarie*”,⁷⁵ maka tiada isu berbangkit berkenaan kelewatan penyediaan nota keterangan. Hal ini adalah kerana Hakim Syarie telah menggunakan sistem tersebut sebagai sistem utama dalam perbincaraan bagi mencatat segala keterangan di dalam Mahkamah Syariah. Sistem ini dapat membantu hakim dalam urusan prosiding kes dan penghakiman dijalankan dengan cepat dan teratur.⁷⁶ Latihan pemakaian sistem e-Bicara telah dilakukan untuk menjamin kompetensi kakitangan MSN antaranya latihan di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS)⁷⁷ dan Melaka.⁷⁸ Inisiatif tambahan telah dilakukan

⁷⁵ Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia tahun 2013 pada 27 hingga 29 Muharram 1435H bersamaan 1 hingga 3 Disember 2013 di Port Dickson, Negeri Sembilan telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan mewajibkan para Hakim Syarie menggunakan aplikasi sistem e-Syariah bagi tujuan menyediakan nota perbincaraan dan alasan penghakiman mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No.6 Tahun 2001 dan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002.

⁷⁶ Portal Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, ‘E-Bicara’, laman sesawang laman sesawang *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 20 Februari 2019.; <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/e-syariah/275-e-bicara>.

⁷⁷ Kursus Penggunaan Sistem e-Syariah (Modul e-Bicara) kepada Hakim Syarie JKSS dilaksanakan pada 5 Ogos 2015. Portal Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, diakses pada 1 Disember 2020. [https://syariah.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?lang=en&mod=photo_gallery&sub=photo_listing&menu_id=&sub_id=&alb=27].

⁷⁸ Promotion Workshop for awareness, usage and E-Syariah System implementation, JKSM dilaksanakan pada 20 Jun 2012. Laman Web Rasmi Mahkamah Syariah Negeri Melaka, diakses pada 5 Julai 2021. [<https://www.mahsyariahmelaka.gov.my/index.php/en/e-arkib/arkib/144-msnm-news/409-promotion-workshop-for-awareness-usage-and-e-syariah-system-implementation-jksm>]

oleh JKSM dengan memantau penggunaan e-bicara melalui pemantauan pematuhan arahan amalan di MSN dan JKSN seluruh Malaysia.⁷⁹

Jika diperhalusi kepada metode pengambilan catatan keterangan dan catatan prosiding kes di MSN, maka perkara ini adalah selari sebagaimana perbincangan *Fiqh al-Qadā'*. Hal ini adalah kerana seseorang hakim yang dilantik hendaklah mempunyai keupayaan menulis. Ibn Qudāmah⁸⁰ dan al-Ḥusaynī⁸¹ telah membincangkan di dalam kitab mereka berkenaan dengan syarat seorang hakim hendaklah seorang yang boleh menulis. Walau bagaimanapun al-Ḥusaynī menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan perkara tersebut adalah mengetahui hukum-hakam.⁸² Muḥammad al-Zuḥaylī telah meletakkan beberapa syarat tambahan bagi hakim antaranya adalah seorang yang berakal sihat, cerdas, mempunyai kebijaksanaan, kesempurnaan pancaindera, mengetahui bahasa yang digunakan pihak bertikai, mempunyai pemikiran dan berwibawa.⁸³ Merujuk kepada aplikasi *Fiqh al-Qadā'* dalam keadaan prosiding kehakiman Syariah di Malaysia masa kini, maka perkara ini telah diaplikasikan sebagaimana kehendak undang-undang dan arahan amalan. Sebagaimana diterangkan bahawa Hakim Syarie di Malaysia akan mengambil keterangan berdasarkan e-Bicara, maka ianya memerlukan kepada pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan juga kewibawaan dalam media baharu masa kini. Perkembangan ICT dalam kalangan Hakim Syarie di MSN pada masa kini lebih menyerlah apabila prosiding perbicaraan dalam talian dilakukan dalam tempoh pandemik covid-19.

Kehakiman Syariah di Malaysia juga mengamalkan keterbukaan dalam prosiding penghakiman melalui Arahan Amalan No. 14 Tahun 2002 berkenaan "*Percanggahan Keputusan Kes*". Perkara ini lebih jelas dilihat melalui penulisan teks alasan penghakiman yang dibuat oleh Hakim yang mengendalikan kes tersebut. Merujuk kepada kes yang mempunyai percanggahan

⁷⁹ Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan JKSN/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2017

⁸⁰ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 1: 2510.

⁸¹ al-Ḥusaynī, *Kifāyah al-Akhyār*, 729.

⁸² *Ibid.*

⁸³ Muḥammad al-Zuḥaylī, *al-Mu'tamad*, 5: 384.

keputusan adalah kes *Mohd Yusoff bin Ali lwn. Zaharah binti Ayob* (Kes Mal No. 070000-037-0005-2019) MRyS Pulau Pinang yang telah diputuskan melalui 2 Panel Rayuan berkenaan dengan proses saman penghutang penghakiman (SPP).⁸⁴ Panel Rayuan dalam kes ini telah menghuraikan berkenaan dengan keputusan yang tidak dipersetujui⁸⁵ dalam kes *Abdul Sany Faizal Abdul Rahman lwn. Zulraini Dato` Zulkifli* Kes (Rayuan) Mal No. 14000-037-0001-2009 (belum dilaporkan).⁸⁶ Hal ini menunjukkan walaupun terdapat perbezaan pendapat berkenaan keputusan kes di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS), maka ianya ditulis melalui teks alasan penghakiman bagi memastikan profesionalisme Hakim Syarie terjaga dan beretika.

Selain itu, inisiatif yang diambil oleh pihak JKSM berkenaan penulisan penghakiman adalah mewujudkan garis panduan penulisan penghakiman melalui Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014. Hakim Syarie perlu menyediakan alasan penghakiman tertakluk kepada garis panduan penulisan teks penghakiman yang telah dikuatkuasakan dalam arahan amalan tersebut.⁸⁷ Garis panduan ini bertujuan memastikan Hakim Syarie di MSN membuat teks alasan penghakiman secara tersusun dan berformat bagi tujuan penerbitan di dalam Jurnal Hukum. Teks alasan penghakiman penghakiman ini menjadi aspek penting bagi tujuan rayuan sebagaimana dinyatakan di dalam seksyen 142(1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 iaitu perayu hendaklah menyediakan bilangan salinan rekod

⁸⁴ *Mohd Yusoff bin Ali lwn. Zaharah binti Ayob*, Kes Mal Bil.: 070000-037-0005-2019, Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang. (kes tidak dilaporkan). Penghakiman Majoriti 2:1. Panel Rayuan Rayuan bagi AP majoriti adalah YAA Dato' Dr. Mohd Na'im bin Mokhtar dan YA Tuan Haji Amran bin Haji Mat Zain.

⁸⁵ Panel Rayuan telah membuat keputusan berdasarkan kritikan di dalam teks alasan penghakiman melalui perenggan [24] "*Berdasarkan ulasan-ulasan di atas, kami berpandangan bahawa prosiding SPP boleh dimulakan oleh Responden tanpa perlu memfailkan tuntutan tunggakan nafkah terlebih dahulu kerana jumlah tunggakan nafkah masih boleh dimuktamadkan oleh Mahkamah*".

⁸⁶ *Abdul Sany Faizal Abdul Rahman lwn. Zulraini Dato` Zulkifli* Kes (Rayuan) Mal No. 14000-037-0001-2009 (belum dilaporkan).

⁸⁷ Mastura Razali & Jasni Sulong, "Amalan Penulisan Penghakiman dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia," 50.

rayuan termasuk alasan penghakiman sebagaimana diperuntukkan pada 142(1)(c).

Rekod rayuan dan alasan penghakiman yang disediakan menunjukkan bahawa proses mencatat, menilai dan membuat keputusan adalah perkara penting dalam proses penghakiman di Mahkamah Syariah yang akan dinilai oleh mahkamah yang lebih tinggi. Oleh itu, Hakim Syarie hendaklah menggunakan arahan amalan yang telah dikeluarkan oleh JKSM secara menyeluruh bagi memastikan proses keadilan Syariah dapat dicapai. Arahan amalan yang diaplikasikan dalam setiap aspek menunjukkan nilai profesionalisme Hakim Syarie terutama yang melibatkan prosiding dan proses penghakiman kes. Kegagalan memakai arahan amalan ini mampu mengganggu proses penghakiman, ketidakaturan prosiding dan kegagalan kepada proses penyelarasan kehakiman di seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, perbincangan berkenaan dengan catatan perbincaraan, rekod perbincaraan, penulisan penghakiman dan alasan penghakiman adalah selaras dengan perbincangan di dalam *Fiqh al-Qadā'* sebagaimana yang telah diterangkan. Oleh yang demikian, hal ini memberikan penjelasan bahawa prosiding berkaitan penulisan penghakiman di dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia telah mengaplikasi konsep *Fiqh al-Qadā'* secara tersusun dan teratur melalui peruntukan undang-undang dan pemakaian arahan amalan. Perkara ini membuktikan bahawa sistem kehakiman Islam telah menunjukkan perkembangan dalam pelbagai aspek terutama yang melibatkan prosiding perbincaraan dan juga proses penulisan penghakiman mengikut situasi, keadaan dan keperluan bagi mencapai keadilan.

KESIMPULAN

Fiqh al-Qadā' merupakan satu perbincangan perundangan Islam berkenaan dengan sistem kehakiman dan proses penghakiman yang telah disusun oleh fuqaha'. Penulisan penghakiman yang berkait dengan rekod keterangan dan penghakiman yang diputuskan secara bertulis oleh *al-Qadī* diletakkan di bawah perbincangan *al-Sijjilāt*, *al-Mahāḍar* dan *Kitāb al-Qadī ilā al-Qadī*. Perkara ini menunjukkan bahawa perundangan Islam amat menitikberatkan berkenaan penulisan bahkan syarat jawatan hakim dan pembantu kehakiman juga perlu dilantik daripada orang yang boleh menulis.

Penulisan penghakiman yang dibuat dari aspek rekod perbicaraan dan penghakiman bertulis akan memberikan jaminan keadilan dan ketelusan dalam kehakiman Islam ini.

Pihak-pihak yang bertikai boleh mendapatkan penulisan tersebut dan melihat metode, hujahan dan alasan yang digunakan oleh hakim dalam memutuskan penghakiman. Rayuan juga boleh dibuat kepada peringkat yang lebih tinggi dan perkara ini juga diaplikasikan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Penulisan penghakiman yang MSN hendaklah mengikut sebagaimana ketetapan undang-undang yang diwartakan dan pemakaian arahan amalan yang digunakan di MSN. Penulisan penghakiman ini juga melambang nilai integriti yang diamalkan dalam kehakiman Syariah di Malaysia yang diaplikasikan selaras dengan *Fiqh al-Qadā'*. Oleh yang demikian, latihan yang berterusan berkenaan pengamalan dan pelaksanaan dalam proses penulisan penghakiman perlu digiatkan bagi menjamin kompetensi Hakim Syarie di Malaysia.

RUJUKAN

- `Abd al-Karīm Zaydān, *Nizām al-Qadā' fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyāh*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn, 2011.
- Abdul Hamid Mohamed & Ahmad Ibrahim, "Nota Perbicaraan dan Penghakiman," *Jurnal Hukum* IX, no. 1 (1994).
- Abī `Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkam al-Qurān*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.
- Abī Dawud, *Sunan Abī Dawud*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1424H.
- Ahmad Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam, 1997.
- al-`Allāmah al-Humām Maulānā Al-Shaikh Nizām, *al-Fatāwā al-Hindiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2000.
- al-Imām al-Hāfiẓ Abī al-Faḍl `Iyāḍ bin Mūsā bin `Iyāḍ, *Ikmāl al-Mu`lim bi Fawā'id Muslim*. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā' li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1998.
- al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma`ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997.

- Awang Suhaili bin Ledi, 'Perutusan YAA Ketua Hakim Syarie Sarawak,' dalam *Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak Tahun 2000-2017*. Sarawak: Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, 2018.
- Ghazali Abdul Rahman, 'Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian,' *Jurnal Hukum XIX*, no. 2 (2005), 189-216.
- ʿĪsā bin ʿUthmān bin ʿĪsā bin Ghāzī al-Ghuzzī Abū Rūḥ Sharaf al-Dīn, *Adab al-Qaḍāʾ*. Riyadh: Maktabah Nazār Mustafā al-Bāz, 1996.
- Ibn Farḥūn, *Tabṣīrah al-Ḥukkām fī Usūl al-Aqḍīyyah wa Manāhij al-Aḥkām*. Riyadh: Dār ʿĀlam al-Kutub, 2003.
- Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-ʿAẓīm*. Giza: Muassasah Qurṭubah, 2000.
- Ibnor Azli Ibrahim, Wafaa' Yusof & Md. Yazid Ahmad, "Pensyariatan Kehakiman Menurut Syariah Islam," *Islāmiyyāt* 27, no. 2 (2005), 41.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Laporan Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2020 Zon Timur Dan Selatan' dilaksanakan pada 24 Jun 2021, laman sesawang Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, diakses 13 September 2021. <http://202.75.5.210/index.php/en/29-aktiviti/1120-laporan-muzakarah-pemahaman-arahan-amalan-mahkamah-syariah-tahun-2020-zon-timur-dan-selatan?tmpl=component&print=1>
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2020 Zon Utara dan Tengah pada Julai 2021, laman sesawang *Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 13 September 2021. <http://202.75.5.210/index.php/en/29-aktiviti/1236-pemahaman-arahan-amalan-mahkamah-syariah-tahun-2020-zon-utara-dan-tengah?tmpl=component&print=1>

- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Penghakiman dan Perintah', laman sesawang *Portal Rasmi E-Syariah*, diakses 13 Ogos 2021, <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan%20-%20Penghakiman%20dan%20Perintah>.
- Kursus Penggunaan Sistem e-Syariah (Modul e-Bicara) kepada Hakim Syarie JKSS dilaksanakan pada 5 Ogos 2015. Portal Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, diakses pada 1 Disember 2020. [https://syariah.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?lang=en&mod=photo_gallery&sub=photo_listing&menu_id=&sub_id=&alb=27].
- Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan JKSN/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2017.
- Mansūr bin Yūnus bin Ṣalāḥ al-Dīn al-Bahūtī, *al-Minah al-Shāfiyāt bi Sharḥ Mufradāt al-Imām Aḥmad*. Riyadh: Dār Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī', 2006.
- Mastura Razali & Jasni Sulong, 'Amalan Penulisan Penghakiman dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia,' *Jurnal Syariah* 24, no. 1 (2016), 25-58.
- Mazni Abdul Wahab, 'Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur,' *Jurnal Penyelidikan Undang-Undang Syariah* 1, no. 2 (2016), 175-186.
- Mazni Abdul Wahab, 'Pemeriksaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia'. Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014.
- Mohamad Abdullah, *Kehakiman Islam Teori dan Pelaksanaan*. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2017.
- Mohd Nadzri Abdul Rahman, *Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Syariah*. Selangor: Anaasa Publication, 2020.
- Mohd Nadzri Abdul Rahman, *Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Prinsip dan Amalan*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources, 2010.

- Muhammad al-Zuhaylī, *al-Mu`tamad fī al-Fiqh al-Shāfi`ī*, jil. 5. Damsyiq: Dār al-Qalam, 2011.
- Muhammad Sa`īd Ramaḍān al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyyah*, cet.22. Kaherah: Dār al-Salām, 2011.
- Muṣṭafā al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhajī `alā Madhhab al-Imām al-Shāfi`ī*. Damsyiq: Dār al-Qalam, 2011.
- Portal Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, ‘E-Bicara’, laman sesawang laman sesawang *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 20 Februari 2019.; <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/e-syariah/275-e-bicara>.
- Promotion Workshop for awareness, usage and E-Syariah System implementation, JKSM dilaksanakan pada 20 Jun 2012. Laman Web Rasmi Mahkamah Syariah Negeri Melaka, diakses pada 5 Julai 2021. [<https://www.mahsyariahmelaka.gov.my/index.php/en/e-arkib/arkib/144-msnm-news/409-promotion-workshop-for-awareness-usage-and-e-syariah-system-implementation-jksm>]
- Taqī al-Dīn Abī Bakr bin Muhammad al-Ḥusaynī, *Kifāyah al-Akhyār fī Hallī Ghāyah al-Ikhtiṣār*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2001.
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Wajīz `alā Hāmish al-Qurān al-`Azīm wa ma`ah Asbāb al-Nuzūl wa Qawā`id al-Tartīl*, cet. ke-2. Damsyiq: Dār al-Fikr li al-Ṭibā`ah wa al-Tawzi` wa al-Nashr, 1996.
- Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang, ‘Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan Dalam Pentadbiran Kehakiman Dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivill: Satu Perbandingan,’ *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 33, no. 1 (2021), 29-50
- Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, ‘Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan,’ *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah* 1, no. 2 (2016), 201-212.

- Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, Wakalah Peguam Syarie Terhadap Permohonan Status Pengesahan Agama di Negeri Sarawak Berdasarkan Pendekatan Maqasid Al-Syariah, dalam Nasimah Hussin et al., (eds.) dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan* (Malaysia: JKSM & UIAM, 2021), 453-383.
- Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin, “Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak,” *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 6, no. 39 (2021), 41-50.
- Zulzaidi Mahmud, Ahmad Hidayat Buang & Afifah Baharuddin (2021) “Cabaran Penguatkuasaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak di Sarawak,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6 no. 10 (2021), 252 - 267.

Statut

- Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91).
- Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998
- Arahan Amalan JKSM No.10 Tahun 2001, ‘*Pengumpulan Kes-kes untuk Jurnal Hukum*’.
- Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011, ‘*Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman*’.
- Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014, ‘*Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman*’.
- Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013, ‘*Penggunaan Aplikasi E-Bicara oleh Hakim Syarie*’.
- Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017, ‘*Tempoh Masa Mengemukakan Nota Perbicaraan Bagi Maksud Rayuan*’.
- Arahan Amalan No. 8 Tahun 2018, ‘*Tatacara Penerimaan dan Pengendorsan Arahan Amalan*’.

Kes

Abdul Sany Faizal Abdul Rahman lwn. Zulraini Dato` Zulkifli Kes (Rayuan) Mal No. 14000-037-0001-2009 (belum dilaporkan).

Ahmad Tamyiz Bin Haji Mak Aris Noor Haslinda Binti Hussin lwn. Norashikin Binti Abu Bakar [2020] Jurnal Hukum Edisi Khas Sempena Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020, 63-82.

Hayati Othman lwn. Ayob bin Zainal, (1991) VII(2) JH 246.

Mohd Yusoff bin Ali lwn. Zaharah binti Ayob, Kes Mal Bil.: 070000-037-0005-2019, Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang. (kes tidak dilaporkan).